

# Graduan perlu lebih kreatif – Seri Paduka

Oleh: SUHANA ABDUL MUTALIB

um 10/11/06

SHAH ALAM 9 Nov. – Para graduan perlu lebih kreatif dan bersedia menghadapi cabaran serta persaingan selepas tamat pengajian, titah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Titah Seri Paduka, para graduan juga harus terus berusaha menambah ilmu pengetahuan meskipun telah melangkah ke alam pekerjaan.

“Hari ini persaingan sebagai seorang graduan tidak terperi hebatnya dan anda mungkin menerima pelbagai kemudahan dan tenaga akademik yang terbaik di samping sokongan wang ringgit, tetapi yang akan menentukan kejayaan sebenar ialah diri anda sendiri.

“Penerokaan ilmu tiada nokhtahnya, teruskan perjuangan anda untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara,” titah Seri Paduka pada Istiadat Konvokesyen Ke-65 Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, hari ini.

Titah ucapan Seri Paduka itu disampaikan oleh Pro-Canselor UiTM, Tan Sri Sulaiman Daud.

Istiadat konvokesyen itu akan berlangsung sehingga 14 November ini dengan 5,863 graduan akan menerima ijazah masing-masing.

Seri Paduka seterusnya melahirkan rasa bangga dengan kejayaan UiTM yang kini diiktiraf sebagai salah satu kemudahan akademik terbaik di mata dunia yang telah dinikmati secara langsung oleh hampir 300,000 graduan sepanjang 50 tahun penubuhannya.

Titah Seri Paduka, UiTM telah membangun dalam pelbagai kepayahan dan ramai graduan di peringkat awal mengalami pelbagai kesukaran namun apa yang mengagumkan mereka telah mempamerkan kesungguhan yang sungguh luar biasa.